

PKR kecam insiden di Lembah Pantai, tuntutan pemimpin Umno ambil tindakan
The Malaysian Insider
25 Mei, 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

PETALING JAYA, 25 Mei — PKR mengecam sekeras-kerasnya tindakan keganasan yang dilakukan terhadap insiden ceramah mereka malam tadi di kawasan Lembah Pantai yang mendakwa dilakukan oleh pemuda Umno Lembah Pantai.

Malah, kedua-dua Naib Presiden PKR, Nurul Izzah dan Chua Tian Chang, turut menyelar Ketua Umno Lembah Pantai Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin kerana insiden itu membuktikan beliau terdesak dan menggunakan keganasan.

"Saya mendesak Nong Chik mengambil tindakan tegas terhadap ahli Umno yang terlibat dalam insiden keganasan sewaktu ceramah PKR di Lembah Pantai malam tadi.

"PKR juga menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin, dan Nong Chik untuk mengecam insiden ini," kata Nurul Izzah sewaktu sidang media di Ibu Pejabat PKR di sini.

Jelas Izzah, jika ketiga-tiga pemimpin Umno itu tidak mengambil sebarang tindakan, maka Umno dilihat telah melangkaui garis di mana kekerasan ini merupakan "deklarasi perang terhadap rakyat".

"Jika tiada sebarang tindakan daripada mereka, Umno telah merestui untuk menyerang rakyat dan juga membunuh demokrasi," kata Ahli Parlimen Lembah Pantai itu.

Dalam kejadian malam tadi, dua individu telah dikenal pasti tercedera termasuk seorang warga emas berusia lingkungan 50an dan kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun yang dikhuatiri patah tangan kerana dibaling batu-bata oleh kumpulan samseng pemuda Umno sebagaimana didakwa Izzah.

Malah, tayar kereta Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Samad yang turut menyampaikan ceramah pada malam itu turut ditoreh.

"Kejadian seperti ini tidak berlaku di lokasi ceramah kami yang lain sebelum ini. Kami telah berceramah hampir di semua lokasi di sekitar Kuala Lumpur dan insiden berdarah seperti ini hanya berlaku di Lembah Pantai.

"Ini membuktikan Nong Chik semakin terdesak untuk mempertahankan kedudukannya di kawasan itu dan membenarkan keganasan berlaku," jelas Tian Chua dalam sidang akhbar sama.

Tian Chua turut menyelar Menteri Pembangunan Wilayah dan Kesejahteraan Bandar itu dan juga Ketua Pemuda Umno kerana tidak mengambil sebarang tindakan terhadap insiden yang berlaku.

"Nong Chik dan Khairy Jamaluddin perlu mengambil tindakan disiplin yang tegas terhadap anak buah mereka yang terlibat dengan insiden ini," tegas Ahli Parlimen Batu ini lagi.

Selain itu, Izzah juga menjelaskan, pejabatnya di kawasan berkenaan turut dilempar dengan telur dan disedari sekitar jam 10 pagi tadi oleh kakitangannya.

"Perkara itu disedari kakitangan saya jam 10 pagi tadi. Telur dibaling dikawasan tangga naik ke pejabat saya," katanya.

Justeru, Izzah menggesa pihak polis menyiasat perkara ini dan membawa pesalah ke muka pengadilan.

“Saya harap polis dapat bertindak sewajarnya. Terlalu banyak laporan polis telah dibuat, tapi sehingga ke hari ini tiada satu pun yang diambil tindakan,” katanya menambah, “satu laporan polis oleh kanak-kanak perempuan tersebut sudah dibuat di Balai Polis Pantai, manakala saya akan membuat laporan polis petang ini.”

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-kecam-insiden-di-lembah-pantai-tuntut-pemimpin-umno-ambil-tindakan/>